

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR - PKR ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 24)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) sebab-sebab penurunan dalam ranking terbaru bola sepak dunia yang dikemukakan oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), dan apakah usaha berterusan yang akan diambil bagi menambahbaik kualiti skuad kebangsaan dan meningkatkan kedudukan Malaysia dalam sukan bola sepak ; dan
- (b) langkah-langkah yang proaktif yang diambil oleh Kerajaan untuk mengenalpasti dan mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan mempertahankan diri seperti Karate-Do, Taekwondo, Judo, Silat, Silambam, Wushu dan sebagainya supaya memupuk mereka sebagai jaguh sukan negara.

SULIT

**JAWAPAN (a)**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai kedudukan ranking FIFA terbaru yang dikeluarkan pada 8 Mei 2014, pasukan bola sepak Malaysia berada di kedudukan 145. Untuk memperbaiki ranking bola sepak negara, pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia perlu mengadakan perlawanan persahabatan kelas A atau menyertai kejohanan yang diiktiraf oleh FIFA dan AFC dengan lebih kerap bagi kiraan pungutan mata. Pasukan kebangsaan juga perlu mencatatkan kemenangan di perlawanan-perlawanan tersebut.
2. Tugas untuk membangunkan sukan bola sepak adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Walau bagaimanapun Kerajaan melalui Kementerian Belia Dan Sukan banyak membantu dalam aspek kewangan dalam meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh persatuan.

**JAWAPAN (b)**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Institut Sukan Negara (ISN) telah dan sedang menjalankan program pengenalpastian bakat bagi melahirkan bakal-bakal atlet yang akan mewarisi generasi atlet yang ada pada masa kini. Setakat ini ISN telah berjaya menguji seramai 250,000 orang peserta dari pelbagai latar belakang sukan dari tahun 2007 sehingga 2013 yang merangkumi peserta berumur daripada 6

tahun sehingga 18 tahun. Jumlah peserta yang diuji bagi sukan tempur adalah seramai 2,323 peserta.

2. Melihat kepentingan sukan tempur dalam ekosistem sukan Malaysia, yang mana Karate-Do telah menjadi penyumbang terbesar dalam Sukan Sea pada 2013 iaitu sebanyak 7 pingat emas, sebagai penyelesaiannya, ISN mengambil langkah yang serius melalui program yang telah dan sedang dijalankan seperti program Cari Juara di mana objektifnya untuk menempatkan peserta yang dipilih melalui ujian TID di pusat-pusat latihan yang dikawal selia oleh pihak *stakeholder*. Peserta-peserta yang terpilih akan mengikuti latihan-latihan yang akan diberikan oleh jurulatih-jurulatih yang bertauliah. Bagi tahun 2013 sahaja seramai 577 orang peserta telah menyertai program ini. Jumlah ini akan dipertingkatkan lagi pada tahun 2014 bagi memastikan bakat-bakat bagi sukan tempur ini tidak disia-siakan.
3. Susulan dari program tersebut, program pembangunan Multi Lateral diwujudkan di sekolah-sekolah rendah kebangsaan yang terlibat. Program Multi Lateral ini merupakan program pembangunan atlet yang melibatkan pergerakan asas kemahiran lokomotor, stabiliti dan manipulatif ke arah menyediakan diri atlet-atlet muda sebelum pengkhususan sukan spesifik dimulakan. Ia juga membantu atlet-atlet muda untuk menguasai kemahiran sukan spesifik secara keseluruhan. Di samping itu, latihan sukan yang diubahsuai seperti memanah, hoki, bola sepak, gimnastik, mini olahraga juga turut diserapkan dalam program latihan Multi Lateral.

## SULIT

4. Seterusnya, atlet-atlet yang dipilih akan diletakkan di bawah program pengkhususan bakat di bawah seliaan MSN. Bakat mereka akan terus digilap dan kecenderungan mereka dikenalpasti dalam sukan-sukan terpilih dan berdaya saing terutama dalam sukan terkemuka di peringkat antarabangsa.
5. Melalui program pengenalpastian bakat, bakat-bakat muda turut diterapkan dengan elemen-elemen sains sukan seperti pemakanan, suaian fizikal, psikologi, fisiologi senam, biomekanik dan analisis prestasi agar perkara tersebut diaplikasikan dalam proses melahirkan atlet Negara berprestasi tinggi semenjak alam persekolahan lagi.
6. Selain itu, Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri turut membantu negeri melaksanakan program pembangunan sukan bagi mempromosikan serta memperkenalkan sukan-sukan ini di sekolah-sekolah melalui program Pelapis Negeri serta Program Penggalakan Sukan. Program kejurulatihan kepada jurulatih dalam aspek sains sukan juga turut dilaksanakan bagi memperkasakan lagi pengetahuan dalam penerapan elemen-elemen sains sukan di peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.